



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH GAYA PENGURUSAN KONFLIK SEBAGAI
MEDIATOR TERHADAP HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPEMIMPINAN
DAN PERLAKUAN KEWARGANEGARAAN ORGANISASI DENGAN
TAHAP PENGLIBATAN PEGAWAI DI SEKTOR AWAM***

AHMAD ZAIRY BIN MOHD. SOIEB

IPSS 2015 4



**PENGARUH GAYA PENGURUSAN KONFLIK SEBAGAI
MEDIATOR TERHADAP HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPEMIMPINAN
DAN PERLAKUAN KEWARGANEGARAAN ORGANISASI DENGAN
TAHAP PENGLIBATAN PEGAWAI DI SEKTOR AWAM**

Oleh

AHMAD ZAIRY BIN MOHD. SOIEB

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi
keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks, logo, ikon, gambar-gambar dan semua karya seni yang lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Apa jua bahan yang terkandung dalam tesis ini boleh digunakan bukan untuk tujuan bukan komersial dengan kebenaran daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

**PENGARUH GAYA PENGURUSAN KONFLIK SEBAGAI
MEDIATOR TERHADAP HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPEMIMPINAN
DAN PERLAKUAN KEWARGANEGARAAN ORGANISASI DENGAN
TAHAP PENGLIBATAN PEGAWAI DI SEKTOR AWAM**

Oleh

AHMAD ZAIRY BIN MOHD. SOIEB

Oktober 2015

Pengerusi : Prof. Madya Datin Jamilah bt. Othman, PhD
Institut : Pengajian Sains Sosial

Kajian ini dijalankan bagi menerokai hubungan di antara gaya kepemimpinan (IV^1) dan perlakuan kewarganegaraan terhadap organisasi (IV^2) terhadap tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi (DV) dengan berasaskan jurang teori di antara dua (2) teori iaitu Teori Pertukaran Sosial (*Social Exchange Theory*) dan Teori Kepimpinan Transformasi. Kajian ini juga mengenalpasti peranan pengurusan konflik (M^1) yang bertindak sebagai mediator yang mampu meningkatkan tahap hubungan ini.

Unit analisis bagi kajian ini ialah pegawai-pegawai bergred 41 dan ke atas daripada pelbagai skim perkhidmatan dalam Sektor Awam dan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri. Senarai nama pegawai diperoleh daripada Sistem HRMIS yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan disokong dengan senarai personel daripada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bilangan sampel ditentukan dengan menggunakan Formula Yamane (1999). Kaedah pensampelan responden-responden adalah secara pensampelan rawak berstrata dan terdiri mereka daripada Generasi Baby Boomers (tahun kelahiran : 1942 - 1954), Generasi X (tahun kelahiran : 1955 - 1979) dan Generasi Y (tahun kelahiran 1980 - 2000) daripada agensi-agensi berkenaan.

Teknik pengumpulan data pra-kajian dan kajian sebenar menggunakan instrumen dalam bentuk kaji selidik yang dibangunkan secara penyesuaian daripada soalan-soalan yang diperolehi daripada para penyelidik seperti Bernard Bass dan Bruce Avilio (1996; 2004), Gallup Q12, Konovsky dan Organ, (1996; 2009) dan Rahim (1983) dengan nilai kesahan (R) melebihi 0.85. Nilai kesahan pra-kajian ditentukan melalui Ujian Kesahan SPSS dan Kebolehpercayaan Konstruk diperolehi melalui pengesanan pegawai atau penyelidik yang berpengalaman dalam bidang yang dikaji.

Hasil analisis mendapati bahawa penglibatan pegawai terhadap organisasi tidak dipengaruhi oleh gaya pengurusan konflik secara dominasi apabila kemahiran tersebut tidak memberikan kesan mediasi ke atas hubungan gaya kepimpinan transformasional, transaksional dan *laissez-faire* secara berasingan; manakala penglibatan pegawai terhadap organisasi dipengaruhi oleh gaya pengurusan konflik secara integrasi yang memberikan kesan mediasi komplementari ke atas hubungan gaya kepimpinan transformasional dan *laissez-faire* tetapi tidak memberikan kesan mediasi ke atas perhubungan gaya kepimpinan transaksional; dan penglibatan pegawai dipengaruhi oleh gaya pengurusan konflik secara tolak-ansur masing-masing memberikan kesan tidak langsung (ada mediasi) dan mediasi komplementari ke atas gaya kepimpinan transformasional dan *laissez-faire*.

Berdasarkan hipotesis yang telah digariskan, dibuktikan bahawa pegawai dalam Sektor Awam menilai dua ekstrim iaitu gaya kepimpinan transformasional dan *laissez-faire* yang masing-masing menggunakan kemahiran menguruskan konflik secara integrasi bagi meningkatkan penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi. Pemimpin-pemimpin yang menggunakan penghargaan dan hukuman sebagai kaedah melaksanakan arahan dan tugas tetap diterima dalam agensi-agensi Kerajaan walaupun pengurusan konflik bukan merupakan kemahiran yang dilihat satu kemahiran yang digunapakai oleh pemimpin-pemimpin transaksional ini.

Analisis seterusnya ke atas hubungan perlakuan kewarganegaraan dan tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi telah membuktikan bahawa sikap berbudi bahasa dan menolong orang lain merupakan dua dimensi utama yang mampu meningkatkan penglibatan pegawai-pegawai dalam organisasi Sektor Awam.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**THE MEDIATING EFFECT OF CONFLICT MANAGEMENT STYLE
ON THE RELATIONSHIP BETWEEN LEADERSHIP STYLES AND
ORGANIZATIONAL CITIZENSHIP BEHAVIOUR, AND
EMPLOYEE ENGAGEMENT AMONG PUBLIC SECTOR OFFICERS**

By

AHMAD ZAIRY BIN MOHD. SOIEB

October 2015

Chairman : Associate Professor Datin Jamilah Othman, PhD
Institute : Social Science Studies

This study was conducted to explore the relationship between leadership style (IV_1) and organizational citizenship behavior (IV_2) on the level of employee engagement in Public Sector organization (DV) based on the theoretical gap between two theories; Social Exchange Theory and Transformational Leadership Theory. The study also identified the role of conflict management (M_1), which acted as a mediator that was able to enhance this relationship.

The unit of analysis for this study was the officials of grade 41 and above from various schemes of service in the Public Sector, Federal Statutory Bodies and State Authorities. The list of the officials was gathered from HRMIS which is managed by the Information Management Division and is supported by a list of personnel from the Service Division of Public Service Department (JPA). The number of samples is determined using the formula Yamane (1999). Stratified random sampling was used as the sampling method and the respondents consisted of generation of Baby Boomers (year of birth: 1942 to 1954), Generation X (year of birth: 1955 to 1979) and Generation Y (born in 1980-2000) of the agencies concerned.

Survey was used as the data collection technique and the items were adopted and developed using established instrument from researchers such as Bernard Bass and Bruce Avilio (1996; 2004), Gallup Q12, Konovsky and Organ, (1996; 2009) and Rahim (1983) with the validity (R) exceeds 0.85. The value of the pre-study validity was determined by SPSS test validity; and face and construct reliability obtained through official confirmation or experienced researchers in the field of study.

Results of the analysis showed that employee engagement towards the organization was not influenced by the dominating style of conflict management when mediation did not give any effect to the relationship of transformational leadership style,

transactional and *laissez-faire* separately; whilst employee engagement was influenced by the integrating style of conflict management in expressing the complementary mediation effect on the relationship of transformational leadership style and *laissez-faire* but offered no mediation effect on the relationship of transactional leadership style; and employee engagement is influenced by the compromising style of conflict management by showing indirect effect (mediation) and complementary mediation on transformational leadership style and *laissez-faire*.

Based on the hypothesis that has been outlined, it is proved that an employee in the public sector assessed the two extremes of leadership styles, the transformational and *laissez-faire*, and that each used integrating style of conflict management to enhance the engagement of public sector officers. Leaders who used reward and punishment as methods of executing instructions and tasks remains acceptable in government agencies even though conflict management was not a prominent skill that used by the transactional leaders.

Further analysis on the relationship of citizenship behavior and employee engagement in the organization has shown that courtesy and helping others are the two major dimensions that can improve the engagement of the officers in public sector organizations.

PENGHARGAAN

Segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas segala rahmat dan limpah kurniaNya serta salam dan selawat atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Dengan kudrat dan hidayahNya, tesis ini telah berjaya disempurnakan dalam masa yang ditetapkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Datin Jamilah Othman selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, dorongan dan bersabar dengan kerenah saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Aminah Ahmad dan Dr. Zoharah Omar selaku ahli Jawatankuasa Penyeliaan dan Profesor Madya Dr. Siti Zobidah Omar, Profesor Abu Daud Silong, Profesor Turiman Suandi dan Profesor Dr. Inon Beydha Lukman yang bertindak sebagai pengerusi dan panel pemeriksa tesis pada 2 Oktober 2015 yang lalu. Segala teguran dan tunjuk-ajar kalian adalah amat dihargai dan dijadikan panduan dalam melengkapkan kajian dan tesis.

Terima kasih turut dirakamkan kepada semua pegawai perhubungan Kementerian / Jabatan, pegawai yang terlibat sebagai enumerator dan responden yang sudi membantu menguruskan edaran kaji selidik, mengaturkan sesi perbincangan, membenarkan penggunaan ruang pejabat dan menjawab kaji selidik dengan lengkap bagi saya meneruskan analisis dengan selesa dan yakin.

Penghargaan turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu dan meniup semangat agar meneruskan pengajian dengan sabar dan tenang di samping menghulurkan bantuan ilmu dan pengalaman.

Akhir sekali, selembarnya terima kasih dikalungkan kepada keluarga tercinta, teristimewa kepada isteri, Norhayati Zainol dan anak-anak, Ain Najmy, Aini Izzaty, Amri Hussainy, Ainul Hannany dan Ainnesa' Irdiny. Kesabaran dan reda kalian semasa berjauhan sewaktu urusan kutipan data, rela mengorbankan masa untuk bercuti bersama, kemesraan yang dipamerkan dalam kesibukan menjalankan urusan pembelajaran dan doa ikhlas kalian, telah menguatkan semangat untuk terus berusaha menyempurnakan amanah yang diharapkan menjadi pendorong kepada kalian jua nanti dalam usaha meraih ilmu pengetahuan hingga ke peringkat tertinggi.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Jamilah Othman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminah Ahmad, PhD

Profesor
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zoharah Omar, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Ahmad Zairy bin Mohd. Soieb, GS28087

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KELULUSAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xxi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	1
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Signifikan Kajian	6
1.6	Andaian Kajian	7
1.7	Skop dan Limitasi Kajian	8
1.8	Definisi Operasional	9
1.9	Ringkasan	11
2	SOROTAN LITERATUR	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Konsep	12
2.2.1	Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	12
2.2.1.1	Faktor Pemula (<i>Antecedents</i>)	15
2.2.1.2	Kepentingan Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	17
2.2.2	Gaya Kepimpinan dan Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	19
2.2.3	Perlakuan Kewarganegaraan Terhadap Organisasi dan Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	26
2.2.4	Pengurusan Konflik dan Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	32
2.2.4.1	Konflik Intergenerasi	35
2.2.4.2	Pengurusan Konflik	36
2.3	Hipotesis	43
2.4	Teori	44
2.4.1	Teori Kepimpinan Transformasional	44
2.4.2	Teori Pertukaran Sosial	45
2.5	Rekabentuk Kajian - Kerangka Teori dan Kerangka Kajian	49
2.6	Ringkasan	51

3	METODOLOGI KAJIAN	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Lokasi Kajian	53
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	56
3.3.1	Pengesanan Populasi	56
3.3.2	Kaedah Penentuan Sampel Kajian	58
3.4	Pensampelan	60
3.4.1	Pensampelan Peringkat Pertama Pensampelan Berstrata	60
3.4.2	Pensampelan Peringkat Kedua Pensampelan Rawak	61
3.5	Instrumen Kajian	66
	Bahagian A : Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	69
	Bahagian B : Gaya Kepimpinan	71
	Bahagian C : Perlakuan Kewarganegaraan Terhadap Organisasi	71
	Bahagian D : Pengurusan Konflik	72
	Bahagian E : Demografi	72
3.6	Ujian Kesahan	73
3.7	Terjemahan Kaji Selidik	74
3.8	Prauji Instrumen Kajian dan Penentuan Kebolehpercayaan	75
3.8.1	Prauji (I)	76
3.8.2	Prauji (II)	77
3.9	Soalan Negatif	78
3.10	Urusan Edaran Kaji Selidik	78
3.11	Pengumpulan Data	80
3.12	Analisis Data	82
	Statistik Deskriptif	83
	Statistik Inferensial	84
	Analisis <i>Pearson Product Moment Correlation</i>	84
	Analisis Regresi Berbilang	85
	Ujian Normaliti	86
	<i>Structural Equation Modeling</i>	87
3.13	Ringkasan	89
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	90
4.1	Pengenalan	90
4.2	Analisis Deskriptif Demografi	90
4.2.1	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan Gender	90
4.2.2	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan Generasi	94
	Ujian Hipotesis ANOVA	95
	Perbandingan Pos-Hoc	95
	Ujian Saiz Kesan Menggunakan Berdasarkan Generasi	96
4.2.3	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan Julat Umur	100
4.2.4	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan Sektor Pekerjaan	100
4.2.5	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan Tahap Pendidikan	101
4.2.6	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan	102

	Tempoh Perkhidmatan	
4.2.7	Perbincangan Analisis Penglibatan Berdasarkan Bidang Pekerjaan	106
4.3	Tahap Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	107
4.4	<i>Structural Equation Modeling</i> (SEM)	109
4.4.1	Analisis Pengesahan Faktor (CFA)	109
	Hasil Analisis Pengesahan Faktor (CFA)	110
	Hasil Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Peringkat Kedua	112
4.4.2	Model Pengukuran (<i>Measurement Model</i>)	116
	Ujian Kesepadanan Model	117
	Ujian Kesahan Diskriminan	118
	Ujian Normaliti	119
	Ujian Penentuan Data Terpencil (<i>Outliers</i>)	120
4.4.3	Model Struktural	123
4.5	Perbincangan Analisis Pengurusan Konflik Sebagai Mediator	124
4.6	Analisis Perhubungan Di Antara Gaya Kepimpinan dan Tahap Penglibatan Pegawai	126
4.7	Ujian Kesan Mediasi	129
4.7.1	Ujian Kesan Mediasi (Baron dan Kenny, 1986)	132
4.7.2	Ujian Kesan Mediasi (Preacher dan Hayes, 2004)	135
4.8	Hubungan Gaya Kepimpinan Transaksional dan Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Mediator	138
4.9	Hubungan Gaya Kepimpinan Transaksional dan Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Mediator	141
4.10	Hubungan Gaya Kepimpinan <i>Laissez-Faire</i> dan Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Mediator	144
4.11	Perbincangan Analisis Perlakuan Kewarganegaraan Dan Penglibatan Pegawai	147
4.11.1	Aggregasi Indikator (<i>Item Parceling</i>)	149
5	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG	154
5.1	Pengenalan	154
5.2	Kesimpulan	154
5.3	Implikasi	162
5.3.1	Implikasi Teori	162
5.3.2	Implikasi Metodologi	163
5.3.3	Implikasi Praktikal	164
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	166
	BIBLIOGRAFI	170
	LAMPIRAN	204
	BIODATA PELAJAR	230
	SENARAI PENERBITAN	234

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Konsep dan Ciri Sifat Penglibatan	13
2	Perbezaan Antara Gaya Kepimpinan Autokratik, Demokratik dan <i>Laissez-faire</i>	21
3	Dimensi Kepimpinan Transformasional	22
4	Dimensi Kepimpinan Transaksional	24
5	Dimensi Sifat Kewarganegaraan Terhadap Organisasi	29
6	Ringkasan Perhubungan Pembolehubah dan Nilai Kekuatan Perhubungan	43
7	Kategori Agensi Kerajaan	53
8	Kategori Agensi Kerajaan dan Pecahan Jawatan	54
9	Senarai Contoh Agensi-Agensi Kerajaan Mengikut Pecahan Kategori Agensi Kerajaan	55
10	Peratus Pengisian Jawatan Sektor Awam Tahun 2002 - 2011	56
11	Bilangan Agensi Yang Terlibat Hasil Pengiraan Secara Nisbah Agensi	62
12	Bilangan Pegawai Mengikut Gred Jawatan dan Skim Perkhidmatan	65
13	Perincian Ahli-Ahli Kumpulan Fokus	67
14	Hasil Perbincangan Kumpulan Fokus	67
15	Pecahan Soalan Di Dalam Borang Soal-Selidik	69
16	Pengukuran Skor Tahap Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	70
17	Dimensi Gaya Kepimpinan dan Pembahagian Soalan	71
18	Dimensi Perlakuan Kewarganegaraan dan Pembahagian Soalan	71
19	Gaya Pengurusan Konflik dan Pembahagian Soalan	72

20	Responden Bagi Pra Uji (I) Kajian	76
21	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Pra Uji (I) Kajian	76
22	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Pra Uji (II) Kajian	77
23	Bilangan Soalan Negatif	78
24	Tarikh, Kaedah Pengedaran dan Lokasi Negeri Bagi Kaji Selidik	80
25	Tarikh dan Peratus Kutipan Kaji Selidik	81
26	Punca Kaji Selidik Gagal Dikutip	82
27	Nilai Korelasi Pearson	84
28a	Ujian- <i>t</i> Bagi Tahap Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi Berdasarkan	91
28b	Ujian Sampel Tidak Bersandaran (<i>Independent Sampel Test</i>)	91
29	Ujian Kehomogenan Varians	94
30	Hasil Ujian Hipotesis ANOVA Bagi Tahap Penglibatan Pegawai Berdasarkan Gender	95
31	Hasil Ujian Perbandingan Pos Hoc I	96
32	Sikap Negatif dan Positif Gen Me (Gen Y)	99
33	Bilangan Responden Berdasarkan Julat Umur	100
34	Bilangan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan	101
35	Bilangan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi	101
36	Pecahan Bilangan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	102
37	Hasil Hipotesis ANOVA Bagi Tahap Penglibatan Pegawai Berdasarkan Kategori Tempoh Perkhidmatan	104
38	Hasil Ujian Perbandingan Pos Hoc II	104
39a	Tahap Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	107
39b	Julat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	107
39c	Jumlah Markah Skala Tahap Penglibatan	108

40	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Kepimpinan Transformasi	111
41	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua - Indikator Yang Digugurkan	112
42	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Kepimpinan Transformasional (Selepas Indikator Digugurkan)	114
43	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Kepimpinan Transaksional (Selepas Indikator Digugurkan)	114
44	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Kepimpinan <i>Laissez-Faire</i> (Selepas Indikator Digugurkan)	115
45	Pemberat Faktor Bagi Indikator Tahap Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	116
46	Hasil Kesahan Diskriminan	119
47	Hasil Ujian Normaliti	120
48	Hasil Pemerhatian Jarak Mahalanobis d^2	121
49	Pengecaman Data Terpencil (<i>Outliers</i>)	122
50	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Pengurusan Konflik Secara Integrasi	125
51	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Pengurusan Konflik Secara Tolak Ansur	125
52	Pemberat Faktor Bagi Indikator Gaya Pengurusan Konflik Secara Dominasi	126
53a	Nilai Kesan Langsung, Kesan Tidak Langsung dan Kesan Keseluruhan Bagi Laluan Model	128
53b	Ringkasan Nilai Kesan Langsung, Kesan Tidak Langsung dan Kesan Keseluruhan Bagi Laluan- Laluan Model	129
54	Perbandingan Nilai Antara Model Mediasi Penuh dan Model Tidak Langsung Bagi Ujian Kesan Mediasi	132
55	Senarai Jadual Hasil Ujian Kesan Mediasi Tiga Gaya Pengurusan Konflik Ke Atas Gaya Kepimpinan	132
56b	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan Transformasi Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Integrasi	132

56c	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan Transformasi Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Tolak-Ansur	133
57a	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan Transaksional Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Dominasi	133
57b	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan Transaksional Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Integrasi	133
57c	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan Transaksional Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Tolak-Ansur	133
58a	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan <i>Laissez-Faire</i> Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Dominasi	134
58b	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan <i>Laissez-Faire</i> Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Integrasi	134
58c	Hasil Keputusan Ujian Mediasi Bagi Gaya Kepimpinan <i>Laissez-Faire</i> Ke Atas Tahap Penglibatan Pegawai Melalui Pengurusan Konflik Secara Tolak-Ansur	134
59	Hasil Analisis Kesan Mediasi Berdasarkan Kriteria-Kriteria Oleh Baron dan Kenny (1986) dan Preacher dan Hayes (2004)	137
60	Pemberat Faktor Bagi Indikator Perlakuan Kewarganegaraan Terhadap Organisasi	147
61	Pemberat Faktor Bagi Indikator Setiap Dimensi Sifat Kewarganegaraan	148
62	Nilai Pemberat Faktor Bagi Dimensi Perlakuan Kewarganegaraan Melalui Kaedah Agregasi Indikator	150

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Model Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	14
2 Model Faktor Pemula dan Kesan Bagi Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	16
3 Kerangka Keberkesanan Organisasi	18
4 Rantaian Nilai Bagi Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	19
5 Gaya Kepimpinan dan Kawalan Pengurusan - Pekerja	20
6 Faktor Pemula Bagi Perlakuan Kewarganegaraan Terhadap Organisasi	27
7 Perhubungan Di Antara Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi - Model A	30
8 Perhubungan Di Antara Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi - Model B	30
9 Arah Perhubungan Antara Sifat Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi	31
10 Proses Konflik	33
11 Perincian Mengenai Peringkat Konflik	34
12 Kesan Pengantara Penuh dan Separuh Mediator	37
13 Model Kesan Mediator Ke Atas Perhubungan Interaksi Kumpulan Terhadap Tahap Kepuasan Kumpulan	38
14 Kerangka Kajian - Personaliti Pemimpin, Gaya Resolusi Konflik dan Keberhasilan Positif	39
15 Hubungan Kerangka Teori dan Kerangka Kajian	50
16 Kerangka Teori	50
17 Kerangka Kajian	51
18 Pecahan Bilangan Jawatan Berdasarkan Kategori Agensi Kerajaan	54

19	Pecahan Jawatan-Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Profesional dan Kumpulan Sokongan	55
20	Graf Peratusan Pengisian Jawatan Sektor Awam 2002 - 2011	57
21	Kuasa Statistik dan Kesan Saiz Antara Dua Saiz Sampel	60
22	Hasil Pensampelan Berstrata	61
23	Nisbah Antara Bilangan Agensi-Agensi Kerajaan Mengikut Kategori	62
24	Zon, Negeri dan Bandar Bagi Lokasi Agensi-Agensi Bagi Kajian	63
25	Pensampelan Rawak Berstrata Bagi Agensi Kajian	64
26	Pensampelan Rawak Berstrata	65
27	Graf Interkorelasi Antara Min-Min Item	68
28	Kajian Penetapan Tahap Penglibatan	70
29	Empat Jenis Pengukuran Kesahan	73
30	Proses Penterjemahan Kaji Selidik	74
31	Fasa Kutipan dan Pengumpulan Kaji Selidik	80
32	Penomboran Kaji Selidik	80
33	Keperluan/Syarat Penggunaan <i>Structural Equation Modeling (SEM)</i>	87
34	Tiga Tahap Analisa Data Menggunakan <i>Structural Equation Modeling (SEM)</i>	88
35	Rekabentuk Model Pengukuran dan Model Struktural <i>Structural Equation Modeling (SEM)</i>	89
36	Julat Tahun Bagi Pengalaman Kerja dan Tahap Penglibatan Pekerja (Dalam Min)	103
37	Tahap Penglibatan Pegawai Mengikut Tempoh Masa Perkhidmatan	105
38	Bilangan Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	106
40	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Gaya Kepimpinan Transformasional	111

41	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Gaya Kepimpinan Transformasional (Selepas Indikator Digugurkan)	114
42	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Gaya Kepimpinan Transaksional (Selepas Indikator Digugurkan)	114
43	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Gaya Kepimpinan Laissez-Faire (Selepas Indikator Digugurkan)	115
44	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Tahap Penglibatan Pegawai Terhadap Organisasi (Selepas Indikator Digugurkan)	116
45	Model Pengukuran	117
46	Plot Kontur Jarak Mahalabonis d^2 Daripada Min	120
47	Pembentukan Model Struktural	123
48	Model Struktural Kajian	124
49	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Gaya Pengurusan Konflik Secara Integrasi (Selepas Indikator Digugurkan)	125
50	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Gaya Pengurusan Konflik Secara Tolak- Ansur (Selepas Indikator Digugurkan)	125
51	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Gaya Pengurusan Konflik Secara Dominasi (Selepas Indikator Digugurkan)	126
52	Model Perhubungan X-Y dan Model Mediasi Tipikal	129
53	Penyediaan Model Mediasi Penuh, Model Langsung, dan Model Tidak Langsung Bagi Ujian Mediasi	131
54	Kriteria Penentuan Jenis Mediasi Bagi Pengesahan Hipotesis dan Pembangunan Teori	136
55	Model Dual-Kepentingan	141
56	Hasil Analisis Pengesahan Faktor Peringkat Kedua Bagi Perlakuan Kewarganegaraan (Selepas Indikator Digugurkan)	147
57	Model Struktural Melalui Kaedah Agregasi Indikator (<i>Item Parceling</i>) Bagi Sifat Kewarganegaraan	150
58	Modul Pengurusan Konflik	157

59	Pelan Penilaian Kualiti Kepimpinan 100 Hari (P2K2-100)	157
60	Kerangka Kerja Transformasi Perkhidmatan Awam Dan Hasil Kajian Berkaitan Gaya Kepimpinan	159
61	Tonggak 12 ¹⁹⁹² dan Etos Perkhidmatan Awam ²⁰¹²	161



SENARAI SINGKATAN

AMOS	-	Analysis of Moment Structures
ASA	-	American Statistical Association
BKP	-	Bahagian Khidmat Pengurusan
BPP	-	Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Korporat Jabatan Perkhidmatan Awam
BPSM	-	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BSC	-	<i>Balanced Scorecard</i> (Kad Markah Secara Seimbang)
CFA	-	Confirmatory Factor Analysis
GLC	-	<i>Government-Linked Companies</i> (Syarikat-Syarikat Berkepentingan Kerajaan)
GTP	-	<i>Government Transformational Plan</i> (Pelan Transformasi Kerajaan)
HRMIS	-	<i>Human Resource Management Information System</i> (Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia)
HUS	-	Hospital Umum Sarawak
INTAN	-	Institut Tadbiran Awam Negara
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
IPSAS	-	Institut Pengurusan Sains Sosial
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPI	-	<i>Key Performance Indicator</i> (Petunjuk Prestasi Utama)
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPA	-	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
KSU	-	Ketua Setiausaha
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JUSA	-	Jawatan Utama Sektor Awam
JPL	-	Jabatan Pesakit Luar
MAMPU	-	<i>Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i> (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia)
MKRA	-	<i>Ministry Key Result Areas</i> (Bidang Keberhasilan Utama Kementerian)
MPC	-	<i>Malaysia Productivity Corporation</i> (Perbadanan Produktiviti Malaysia)
OCB	-	<i>Organizational Citizenship Behaviour</i> (Sifat Kewarganegaraan Terhadap Organisasi)
PAC	-	PTD Assessment Centre
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PFS	-	Penang Free School
PTD	-	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
PTK	-	Peperiksaan Tahap Kecekapan
RMK-11	-	Rancangan Malaysia Ke-11
ROCI-II	-	Rahim Organizational Conflict Inventory II
SET	-	<i>Social Exchange Theory</i> (Teori Pertukaran Sosial)

SEM	-	<i>Structural Equation Modeling</i>
SPSS	-	IBM SPSS Statistics
SSB	-	Sistem Saraan Malaysia
SSM	-	Sistem Saraan Malaysia
TKC	-	Tunku Kurshiah College (Kolej Tunku Kurshiah)
TKPPA	-	Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
UPM	-	Universiti Putra Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan mengenai (1) latar belakang kajian yang mempamerkan fokus dan perkaitannya dengan isu semasa secara umum; (2) pernyataan masalah yang menerangkan mengenai kajian-kajian sedia ada yang terhad dari segi skop, kuantiti atau rekabentuk; (3) objektif-objektif kajian; (4) signifikan kajian yang menyatakan mengenai kerelevanan kajian berdasarkan kepentingannya terhadap agensi; (5) andaian; (6) limitasi yang menyatakan mengenai skop kajian; (7) definisi operasi iaitu maksud perkataan atau variabel yang khusus kepada kajian yang dijalankan; dan (8) ringkasan bagi bab ini secara keseluruhannya.

1.2 Latar Belakang

Sektor Awam kini sedang mengalami transformasi perkhidmatan sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri berdasarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang telah dilancarkan pada April 2009. Hasrat utama yang terkandung di dalam GTP ialah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam agar Malaysia mampu mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Dalam usaha-usaha berterusan yang dijalankan oleh semua agensi Kerajaan bagi tujuan tersebut, pelbagai kemudahan, peruntukan, insentif, inisiatif dan kaedah yang dilaksanakan bagi memastikan wawasan murni tersebut tercapai. Dari sudut makro, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (2011 - 2015) (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2010), selain daripada menumpukan kepada pembangunan dan perkembangan fizikal, Kerajaan juga tidak lupa memberi penekanan kepada peri pentingnya dengan jelas dinyatakan mengenai usaha Kerajaan bagi mengekal dan meningkatkan daya tarikan keguruan dan menghasilkan guru terbaik.

Manakala melalui beberapa arahan Agensi Pusat (seperti MAMPU, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan) terawal seperti Garis Panduan Mengenai Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti Dalam Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 4 Tahun 1991 (Jabatan Perdana Menteri, 1 April 1991); Panduan Mengenai Peningkatan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 6 Tahun 1991 (Jabatan Perdana Menteri, 1 Julai 1991); Usaha Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam melalui surat arahan Ketua Setiausaha Negara (PM(S) 17479/13 Jld. 14 bertarikh 9 Mac 2007); Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat Di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 (Jabatan Perkhidmatan Awam, 29 Mac 2007); Panduan Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Menerusi Penggunaan Kios Di Agensi-Agensi Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2008 (Jabatan

Perdana Menteri, 2008), secara jelas cuba membentuk dan menanamkan rasa penglibatan para pegawai kepada organisasi.

Melalui satu kajian yang dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) (Shaik Roslinah Bux & Haslizayanti Othman, 2010) mendapati bahawa Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Pharmaniaga Berhad dan Proton Berhad, turut menjanakan pengurusan bakat di mana syarikat-syarikat ini masih mencari kaedah yang terbaik bagi mengekalkan para pekerja yang memiliki sifat kepimpinan yang unggul sama ada dalam bidang pengurusan operasi syarikat mahupun perancangan strategik. Kedua-dua syarikat ini juga secara aktif membangunkan program-program latihan yang intensif bagi mengasah bakat kepimpinan yang kritikal dan strategik bagi masa hadapan. Syarikat-syarikat ini percaya bahawa dengan kaedah ini, para pengurus yang memiliki penglibatan yang tinggi terhadap organisasi akan dapat dikenalpasti dan dikekalkan bagi menerajui organisasi di masa akan datang. Selain daripada itu, Proton Berhad juga mencadangkan kaedah pengambilan secara strategik dan setiap pegawai yang berbakat tersebut dinilai pada tahap individu. Ini adalah kerana, walaupun pengurusan bakat tersebut didapati mencabar namun cabaran yang lebih hebat ialah memastikan pegawai-pegawai berbakat berkenaan memiliki penglibatan mereka terhadap organisasi (Putrajaya Committee, 2010; Telekom Malaysia Berhad, 2010; Minda, 2008).

Menyedari hakikat bahawa peredaran masa turut merubah cara kerja, ekspektasi *shareholders* dan tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi, penjawat awam mahupun pelanggan tetap atau masyarakat pengguna yang lain perlu saling bergandingan dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam berkesan, selari dengan transformasi sektor awam secara keseluruhannya. Menurut YBhg. Datuk Normah bt. Md Yusof, bekas Ketua Pengarah MAMPU, Sektor Awam sedang dan bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran monumental yang menguja pelbagai perubahan struktural (organisasi dan dasar-dasar perkhidmatan awam) serta lonjakan kuantum bukan sahaja dalam ekonomi malah paradigma bagi memastikan kewujudannya terus relevan, signifikan dan dihormati. Fenomena ekonomi yang berasaskan pengetahuan (*k-economy*), globalisasi, liberalisasi, urbanisasi, ledakan teknologi serta revolusi digital telah mendorong kepada perubahan mega ke atas persekitaran global. Misi Nasional (2006-2020) yang digubal untuk melonjakkan negara ke arah pencapaian Wawasan 2020, menggariskan lima teras strategik¹ bagi meningkatkan prestasi ekonomi negara serta menghasilkan impak yang tinggi kepada rakyat. Pencapaian Misi Nasional memerlukan pembentukan Sektor Awam bertaraf dunia menerusi pembinaan kapasiti yang terancang dan strategik bagi membentuk jentera pentadbiran Kerajaan yang inovatif, kompeten, berilmu, responsif dan sentiasa bersedia menangani perubahan semasa (MAMPU, 2009).

¹ Teras 1 : Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara; 2. Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; 3. Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan; 4. Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup; dan 5. Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Justeru, meneliti di sebalik usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ini, Ballendowitsch (2009) telah mendapati tahap penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi sektor awam Malaysia adalah sekitar 29% (berbanding dengan tahap penglibatan di peringkat global sebanyak 21%). Tahap penglibatan yang rendah ini banyak berkait rapat dengan gaya kepimpinan dan budaya sesebuah organisasi. Gaya kepimpinan yang pelbagai dalam menguruskan kepelbagaian fungsi bagi organisasi-organisasi di bawah sektor awam telah memberikan impak psikologi dan komitmen terhadap para pegawai lantas membuatkan tahap penglibatan ini berada pada satu garisan yang tidak tetap (Arunasalam, Mahdi & Almsafir, 2012). Drizin dan Hundley (2008) selari menyatakan bahawa tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi ini banyak dipengaruhi oleh hubungan mereka dengan pengurus atau pegawai yang bertanggungjawab ke atas mereka. Walaupun corak bekerja berpasukan telah diperkenalkan dengan kaedah bekerja secara saling bergantung antara namun hubungan dengan pengurus didapati amat memberi kesan kepada sikap, kesanggupan dan tingkahlaku pekerja.

Konsep penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi telah semakin mendapat perhatian di kalangan ketua-ketua jabatan, diperbincangkan mengenai penggunaannya sebagai pengukuran tahap penglibatan secara perbandingan antara pegawai-pegawai terhadap organisasi dan kepentingannya bagi persekitaran pejabat yang sejahtera (Ferguson, 2010; Kular, Gatenby, Rees, Soane & Truss, 2008; Little & Little, 2006). Dalam beberapa literatur akademik, walaupun berbeza, penglibatan dikatakan berkait rapat dengan beberapa konstruk tingkahlaku organisasi yang lain seperti komitmen (Macey & Schneider, 2008; Vazirani, 2007), keterlibatan seseorang dalam organisasi dan perlakuan kewarganegaraan pegawai terhadap organisasi (Dickinson, 2009). Pegawai yang memiliki penglibatan terhadap organisasi ini telah dibuktikan mempunyai tahap komitmen yang tinggi dan mampu mempengaruhi pegawai-pegawai lain untuk sama-sama mempertingkatkan prestasi kerja bagi keuntungan organisasi (Devi, 2009). Walau bagaimanapun, komitmen pegawai terhadap organisasi berbeza daripada penglibatan pegawai terhadap organisasi yang mana ianya merujuk kepada sikap seseorang dan rasa ketanggungan mereka dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan berdasarkan jawatan yang diisi dalam organisasi tersebut (Vance, 2006) manakala perlakuan kewarganegaraan terhadap organisasi melibatkan sikap sukarela dan informal yang dilihat sebagai membantu para pekerja dan menjayakan misi organisasi (Saks, 2006). Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, secara umumnya, dalam sesebuah organisasi, telah dikenalpasti bahawa pegawai-pegawai *senior* dan pengurusan pertengahan, di mana dalam konteks Sektor Awam Malaysia, peringkat-peringkat ini merujuk kepada Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Tinggi dan Pengurusan Pertengahan², merupakan pemimpin-pemimpin yang menjadi pencetus dan bertanggungjawab membina penglibatan pegawai dalam tenaga kerja (Tomlinson, 2010). Berkaitan dengan itu juga, Hockey dan Ley (2010) telah mengenalpasti secara spesifik bahawa kepimpinan yang berkesan bukan sahaja merupakan syarat utama untuk terbentuknya penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi, malah mempamerkan pertalian rapat dengan prestasi sesebuah organisasi

² Jawatan **Pengurusan Tertinggi** merujuk kepada Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA); Jawatan **Pengurusan Tinggi** merujuk kepada jawatan di gred 54; dan Jawatan **Pengurusan Pertengahan** merujuk kepada jawatan di gred 48 dan 52 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, Jabatan Perkhidmatan Awam, 2002).

(Townsend & Gebhardt, 2008). Apabila kajian selanjutnya dilakukan ke atas perkaitan di antara gaya kepimpinan dan penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi, didapati bahawa perkaitan antara gaya kepimpinan transformasional dan penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi telah dibuktikan sebagai perkaitan yang memberikan keputusan yang amat positif bilamana gaya kepimpinan transformasional menggalakkan penurunan kuasa kepada para pegawai yang akhirnya meningkatkan lagi penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi (Ghafoor, Qureshi, Khan & Hijazi, 2011).

Manakala tenaga kerja yang memiliki penglibatan terhadap organisasi bermakna kurang konflik. Dipercayai bahawa melalui komunikasi dan bertindak sebagai moderator kepada tingkahlaku pekerja, didapati lebih mudah menguruskan konflik secara positif dan berkesan (Mills, 2011). Lebih-lebih lagi, telah dibuktikan secara anekdotal bahawa dalam situasi konflik, individu-individu akan bertindak secara prososial di mana mereka akan turut mempamerkan perlakuan kewarganegaraan yang akhirnya meningkatkan tahap penglibatan pegawai-pegawai terhadap organisasi (Karam, 2011). Walaupun demikian, kumpulan pekerja dalam generasi yang berbeza memiliki ciri-ciri bekerja yang berbeza dan lebih menyukai gaya kepimpinan yang berbeza (Yu & Miller, 2005) yang mampu mencetuskan motivasi dan menyumbangkan kepada kejayaan sesebuah organisasi (Graham, 1995).

1.3 Penyataan Masalah

Dalam kajian-kajian yang lepas, analisis yang dihasilkan telah mempamerkan bahawa kepimpinan transformasional memiliki perkaitan yang positif dengan penglibatan pegawai terhadap organisasi. Walaupun demikian, kajian berkaitan lebih menitikberatkan kepada gaya kepimpinan yang baru tanpa mempertimbangkan bahawa sesetengah generasi pekerja mampu menggunakan gaya kepimpinan karismatik, transaksional dan malah gaya *laissez-faire*, dalam memastikan komitmen, penglibatan terhadap kerja dan penglibatan pegawai kepada organisasi pada tahap tertentu yang tidak mengecewakan harapan pemimpin organisasi dan matlamat organisasi itu sendiri. Manakala sebahagian daripada kajian-kajian yang berkaitan menfokus kepada sejauh mana seseorang pegawai itu memiliki penglibatan dan tidak terikat terhadap organisasinya (Zigarmi *et al.*, 2009). Aspek yang kerap ditekankan dalam objektif dan aplikasi daripada hasil analisis adalah untuk memastikan prestasi dan produktiviti sesebuah organisasi meningkat selari dengan peningkatan tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi ini (Ballendowitsch, 2009). Para penyelidik berpandangan bahawa tiada yang lebih penting dalam sesebuah organisasi melainkan segala sifat yang dimiliki dan sikap yang dipamerkan oleh warga organisasi dapat menyumbang kepada peningkatan keuntungan organisasi, kualiti perkhidmatan dan pencapaian sasaran organisasi yang mencapai atau mengatasi penandaarasan serta melonjakkan organisasi ke peringkat kecemerlangan global dan global.

Berikutan itu, para penyelidik telah menentukan seseorang individu itu memiliki penglibatan yang tinggi atau tiada perlakuan tersebut terhadap organisasi berdasarkan tiga aspek seperti pengurusan konflik, sifat perpaduan (*cohesion*) dan komunikasi.

Ketiga-tiga aspek ini dipercayai mampu bertindak sebagai mediator bagi menambahbaik proses meningkatkan hasil prestasi sesebuah organisasi (Dionne, Yammarino, Atwater & Spangler, 2004) bilamana penglibatan menjadi medium yang mengarahkan halatuju penghasilan tersebut dan kebajikan bagi warga sektor awam (MacLeod & Clarke, 2009). Hasil kajian yang dijalankan oleh Rurkkhum (2010) menunjukkan bahawa ianya tidak menyokong kepada perubahan tahap perhubungan antara penglibatan pegawai terhadap organisasi dengan variabel lain seperti perlakuan kewarganegaraan terhadap organisasi oleh moderator seperti yang dihipotesiskan. Ini adalah kerana dalam perhubungan tersebut, beberapa faktor lain harus dipertimbangkan seperti tahap kepemimpinan dan peranan konteks budaya seperti perhubungan interpersonal (Cigoz-Ulu & Lalonde, 2007), komunikasi dan demografi (Caldwell & Dake, 2009).

Walaupun semakin banyak kajian dan literatur yang dilaksana dan dibangunkan hasil penyelidikan berkaitan penglibatan, namun tidak banyak diketahui tentang potensi perhubungan antara gaya kepimpinan dan perlakuan kewarganegaraan dengan penglibatan pegawai terhadap organisasi terutamanya daripada perspektif budaya kerja (Susaeta, Pin, Idrovo, Belizon, Espejo, Gallifa, Aguirre & Pedrozo, 2011) dua generasi iaitu Baby Boomers dan Generasi Y (Gen Y) (Crampton & Hodge, 2009; Yu & Miller, 2005) walaupun generasi-generasi tersebut akan menjadi kelompok-kelompok responden yang bakal mewarnai analisis demografi kajian ini.

Walaupun secara hakikatnya diketahui bahawa kemahiran menguruskan konflik merupakan salah satu kriteria utama dalam menentukan kredibiliti seseorang pemimpin, namun belum ada kajian spesifik yang menggunakan setiap satu gaya pengurusan konflik yang ditafsirkan sebagai mediator, yang mampu meningkatkan penglibatan pegawai terhadap organisasinya sendiri (Mills, 2011) walaupun para pemimpin menggunakan gaya kepimpinan tertentu secara jelas mahupun gaya kepimpinan yang bercampur (hibrid) dalam menerajui organisasi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah menentukan penglibatan pegawai sektor awam berdasarkan pengaruh gaya pengurusan konflik ke atas hubungan antara gaya kepimpinan dan perlakuan kewarganegaraan organisasi.

Objektif khusus bagi kajian ini ialah :

- i. Menentukan hubungan di antara dimensi-dimensi perlakuan kewarganegaraan dan tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi;
- ii. Menentukan hubungan di antara tiga kepimpinan dan tahap penglibatan pegawai terhadap organisasi; dan
- iii. Menentukan gaya pengurusan konflik sebagai faktor-faktor pengantara (*mediator*) yang mempengaruhi perhubungan di antara gaya kepimpinan dan penglibatan pegawai terhadap organisasi.

1.5 Signifikan Kajian

Kajian ini adalah signifikan kerana ianya mempromosikan persekitaran kerja yang baik di dalam organisasi di samping memberi kefahaman mengenai faktor-faktor yang melibatkan penglibatan pegawai terhadap organisasi. Kajian ini juga bermanfaat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) terutamanya bagi bahagian-bahagian seperti Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Korporat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Organisasi dan Bahagian Perkhidmatan serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang merangka dan membangunkan strategi pengurusan dan korporat bagi sektor awam. Di samping itu juga, organisasi-organisasi ini menformulasi peraturan yang efektif yang diedarkan melalui pekeliling-pekeliling perkhidmatan, surat-surat pekeliling dan surat-surat edaran. Oleh kerana sektor awam mahupun sektor swasta kini telah diwakili oleh sebahagian besarnya Generasi Y (dengan pengurangan drastik bilangan pegawai dalam generasi *Baby Boomers*) (Half, 2011; Puybaraud, 2010; PricewaterhouseCoopers, 2009). Menyedari senario tersebut, agensi-agensi ini telah turut menjanakan kajian ke atas penglibatan pegawai terhadap organisasi melalui usahasama sebuah syarikat juruperunding iaitu Hay Group Sdn. Bhd. pada awal Julai 2012 bagi membentuk deskripsi bagi setiap jawatan dan sumbangan jawatan-jawatan berkenaan (terutamanya jawatan di peringkat Pengurusan Tinggi dan Pengurusan Tertinggi) terhadap organisasi. Menurut laporan cadangan NexGen oleh syarikat juruperunding ini, hasil pembangunan deskripsi tugas dan sumbangan jawatan-jawatan berkenaan akan dibentuk profil tugas (*job profiling*) yang mengarah kepada pengukuran dan penilaian lanjut berasaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Oleh kerana objektif kajian oleh Hay Group Sdn. Bhd. lebih menumpukan kepada pembangunan deskripsi tugas, skop kajian oleh syarikat ini hanya mengemukakan konstruk dan dimensi penglibatan pegawai terhadap organisasi dan penglibatan pegawai terhadap tugas (*job engagement*).

Berbanding dengan kajian yang dijalankan ini, ianya lebih signifikan disebabkan oleh skop kajian turut mengambilkira kajian-kajian lalu yang telah dijalankan (Lim, 2008) dan dimensi penglibatan pegawai terhadap organisasi dan perkaitannya dengan beberapa variabel dan dimensi gaya kepimpinan, perlakuan kewarganegaraan dan pengurusan konflik menjurus kepada dua generasi yang unik (Trzesniewski & Donnellan, 2010). Melalui beberapa dimensi yang berbeza dan kombinasi yang dijangka menghasilkan perkaitan antara variabel, agensi-agensi yang bertanggungjawab akan menyedari bahawa persekitaran kerja masa kini perlu berubah dan dipelbagaikan terutamanya dari segi gaya kepimpinan serta bakal mengubahsuai kaedah penilaian dalam proses pengambilan pegawai-pegawai baru, penilaian pegawai-pegawai untuk kenaikan pangkat, modul latihan dan pengurniaan anugerah sama ada dalam bentuk pengiktirafan sijil penghargaan atau kewangan. Secara signifikannya, hasil daripada kefahaman melalui kajian ini juga, para pegawai akan memiliki kelebihan yang kompetitif dalam menyesuaikan diri di persekitaran kerja dan mampu menangani pemimpin-pemimpin yang memiliki pelbagai gaya kepimpinan dan memastikan kelebihan diri dalam dimensi tertentu agar lebih komited kepada organisasi.

1.6 Andaian Kajian

Andaian merupakan salah satu elemen penting di dalam sesebuah kajian. Ia merupakan satu kebenaran yang boleh dipercayai melalui pembuktian oleh diri sendiri dan berasaskan ilmu pengetahuan yang kukuh untuk permulaan satu-satu kajian itu dinilai sebagai berkualiti oleh penyelidik-penyelidik lain (Leedy & Ormrod, 2010). Walaupun demikian, harus dibezakan andaian oleh penyelidik dan pentadbir organisasi sekalipun pentadbir organisasi bertindak sebagai penyelidik dalam melaksanakan satu-satu kajian pada satu-satu masa tertentu. Ini adalah kerana penyelidik membuat andaian bagi menghalatujukan kajian yang merupakan sebahagian daripada keperluan metodologikal manakala pentadbir membuat andaian yang kritikal semasa membuat keputusan bagi mengekalkan sebahagian skop realiti bagi mempengaruhi formulasi dan implementasi strategi-strategi organisasi (Shrivastava & Mitroff, 1984).

Andaian utama yang mendasari kajian ini adalah garisan pemisah antara dua generasi yang menjadi responden utama dalam kajian ini iaitu julat-julat tahun kelahiran, adalah jelas dan konsisten digunapakai dalam sebahagian besar kajian sebelum ini. Berdasarkan andaian utama tersebut, turut diandaikan bahawa semua pegawai-pegawai di jawatan Pengurusan Tertinggi iaitu Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dan jawatan-jawatan kepakaran di peringkat tertinggi (Khas), merupakan mereka yang digolongkan di dalam generasi *Baby Boomers* (walaupun menurut rekod JPA, segelintir pegawai dalam kelompok pengambilan tahun 1993 ke bawah di jawatan gred 54 turut merupakan pegawai-pegawai dalam generasi *Baby Boomers*). Manakala pegawai-pegawai yang berada dalam kelompok pengambilan tahun 2003 dan ke atas (pada usia purata pengambilan baru pegawai-pegawai Sektor Awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam iaitu 23 tahun – 24 tahun) merupakan pegawai-pegawai dalam Generasi Y (kerana pada tahun 2012, usia Generasi Y yang termuda ialah 12 tahun dan belum menyertai Sektor Awam mahupun Sektor Swasta). Andaian ini telah berjaya mengurangkan kompleksiti analitikal dalam kajian (Simon, 2011) walaupun segelintir daripada penyelidik bertelagah mengenai tahun permulaan dan julat tahun yang mewujudkan generasi-generasi tertentu serta membezakan generasi-generasi tersebut.

